

Bil. S 58

PERINTAH KASTAM, 2006

PERINTAH CUKAI IMPORT KASTAM
(PINDAAN), 2006

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pindaan perenggan 2 dari S 34/73.
3. Pindaan Jadual Kedua.

PERINTAH KASTAM, 2006

**PERINTAH CUKAI IMPORT KASTAM
(PINDAAN), 2006**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh ceraiian (1) bab 9 dari Perintah Kastam, 2006, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Cukai Import Kastam (Pindaan), 2006 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 1 haribulan April, 2004.

Pindaan perenggan 2 dari S 34/73.

2. Perenggan 2 dari Perintah Cukai Import Kastam, 1973, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam perenggan kecil (1), dalam takrifan "perusahaan", dengan memotong "atau bagian2 yang khas bagi-nya" dari dua baris terakhir.

Pindaan Jadual Kedua.

3. Jadual Kedua kepada Perintah utama adalah dipinda, dalam Bahagian B, dengan menambah butiran baru yang berikut —

"11. **Mesin**

Mesin untuk kegunaan perusahaan."

Diperbuat pada hari ini 27 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 26 haribulan April, 2006.

DATO PADUKA AWANG HAJI METASSAN BIN MOMIN
Setiausaha Tetap,
Kementerian Kewangan.